



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MEDIASI TERBUKTI PENDEKATAN TERBAIK URUS ISU PERPADUAN, 147 KES BERJAYA DISELESAIKAN PADA 2025

PUTRAJAYA, 11 April - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) terus komited memperkukuh keharmonian masyarakat apabila berjaya menyelesaikan sebanyak **147 kes melalui pendekatan mediasi sepanjang tahun 2025**. Pencapaian ini membuktikan bahawa mediasi merupakan antara pendekatan paling berkesan dalam mengurus isu perpaduan serta menjamin kestabilan dan keharmonian negara.

Pendekatan mediasi yang digerakkan oleh kementerian menekankan penyelesaian secara damai tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada tindakan berbentuk hukuman (*punitive*). Ini kerana tidak semua konflik memerlukan penyelesaian melalui tindakan perundangan. Sebaliknya, pendekatan berasaskan dialog, persefahaman dan tolak ansur mampu menghasilkan penyelesaian yang lebih mampan serta diterima oleh semua pihak.

Mediasi merupakan satu kaedah alternatif dalam mengurus pertikaian atau perselisihan antara dua pihak dengan bantuan pihak ketiga yang neutral, iaitu mediator. **Peranan mediator adalah untuk memudah cara perbincangan, membantu kedua-dua pihak mencapai persefahaman, dan seterusnya mencari penyelesaian yang dipersetujui bersama.**

Perkhidmatan mediasi yang disediakan adalah secara **percuma kepada masyarakat** dan dilaksanakan tanpa melibatkan proses litigasi perundangan, sekali gus menjadikannya lebih mudah diakses, cepat dan mesra rakyat.

UNTUK SIARAN NEGARA

Skop perkhidmatan ini merangkumi **pelbagai isu yang mencetuskan ketegangan dalam komuniti setempat, sama ada di kawasan perumahan bandar, kampung mahupun strata**. Antara isu yang sering dikendalikan termasuklah masalah parkir, gangguan bunyi bising, perselisihan antara jiran, konflik kekeluargaan, isu alam sekitar serta lain-lain pertikaian harian yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Kementerian Perpaduan Negara akan terus memperkasa peranan mediator komuniti serta memperluas kesedaran rakyat terhadap kepentingan mediasi sebagai mekanisme utama dalam memelihara perpaduan negara.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

11 April 2026

KPN.100-9/1/16 (30)

